



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

USAHAWAN RUMPAI LAUT RAIH ANUGERAH IKON DIGITAL 2013

BANGKOK: 19 November, 2013 --- Usahawan rumpai laut dari Kunak, Sabah, Kabilah Hassan dianugerahi Anugerah Ikon Digital Kuasa Transformasi Jalur Lebar 2013 oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Anugerah berkenaan diberikan kepada Kabilah sebagai tanda pengiktirafan atas kejayaan beliau mentransformasikan perniagaan rumpai laut secara konvensionalnya kepada suatu usaha niaga yang dalam talian.

Anugerah Ikon Digital 2013 itu disampaikan bersama oleh Setiausaha Agung ITU, Dr. Hamadoun Toure dan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek di Bangkok semasa sesi Pengumuman dan Perkongsian Pemegang Berkepentingan Pelbagai Pihak di Sidang Kemuncak Connect Asia Pacific 2013 baru-baru ini.

"Saya gembira dengan keputusan ITU untuk memberikan anugerah kepada Kabilah. Seperti mana delegasi lain yang menghadiri sidang kemuncak ini, kerajaan Malaysia mempunyai tanggungjawab memastikan rakyat kita mempunyai capaian kepada perkhidmatan jalur lebar namun ianya bukan satu tugas mudah. Kisah kejayaan hidup seperti Kabilah bagaimanapun meyakinkan kita segala usaha yang dicurahkan selama ini adalah berbaloi dan membuktikan segalanya mungkin dengan jalur lebar," kata Dato' Sri Ahmad Shabery.

Dua tahun yang lalu, kemampuan untuk menyediakan makanan kepada keluarganya menjadi kebimbangan utama Kabilah. Kebimbangan itu ditambah pula dengan ketidaktentuan cuaca yang boleh menjejaskan perniagaan rumpai laut yang diceburinya.

Namun masalah itu tidak mematahkan semangat Kabilah untuk meneruskan perniagaan yang diwarisi daripada nenek moyangnya. Sebaliknya, perniagaan rumpai laut beliau telah berkembang pesat dengan kebanyakan pelanggannya berada di China, Jepun, Amerika Syarikat serta negara-negara lain di dunia. Ternyata, keputusan untuk mempromosikan produknya dalam talian bukan sahaja mengubah perniagaan rumpai laut beliau bahkan juga kepada kehidupan hariannya.

Dato' Sri Ahmad Shabery 2013 turut berkata, perkhidmatan jalur lebar dan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) telah memberikan manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya. Antaranya, merapatkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar selain peningkatan taraf hidup penduduk menerusi inisiatif seperti Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dan Kampung Tanpa Wayar (KTW).

Kagum dengan kisah-kisah kejayaan yang dipaparkan dalam siri "Connected at the Roots" (Terhubung di Akar Umbi), Dato' Sri Ahmad Shabery turut mengumumkan, pihak ITU kini menjemput SKMM sebagai rakan kongsi untuk mengenal pasti individu serta



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

mendokumentasikan kejayaan hidup seperti kisah Kabilah, kali ini dari rantau Asia Pasifik pula.

Inisiatif Kuasa Transformasi Jalur Lebar “Connecting at the Roots” (Menghubungkan Akar Umbi) yang dilaksanakan secara bersama oleh ITU dan SKMM itu, dipamerkan bersama dengan 88 buah projek lain yang diusahakan bersama oleh ITU dengan beberapa rakan kongsi lain. Inisiatif berkenaan diumumkan oleh Pengerusi SKMM, Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi pada Isnin.

[TAMAT]

For Immediate Release

SEAWEED FARMER WINS DIGITAL ICON AWARD 2013

BANGKOK: 19 November, 2013 --- Kabilah Hassan, a seaweed farmer from Kunak, Sabah has been awarded the Transformational Power of Broadband Digital Icon Award 2013 by the International Telecommunication Union (ITU) and The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

The award was given to Kabilah as recognition for her success in transforming her conventional seaweed business into an online business venture.

Secretary-General of ITU, Dr. Hamadoun Toure and Minister of Communications and Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek presented the award to Kabilah during the Multi-stakeholder Partnerships and Announcements session at the Connect Asia Pacific Summit 2013 in Bangkok recently.

“I am delighted with the ITU’s decision to present this award to Kabilah. Like other delegations attending the Summit, we have the responsibility to ensure that our citizens have access to broadband, which is not an easy task. However, stories of individuals such as Kabilah’s make it all worthwhile and prove to us that everything is possible with broadband,” said Dato’ Sri Ahmad Shabery.

Two years ago, putting food on the table was a constant worry for Kabilah. Her concern was compounded with the uncertainty of the weather that can jeopardize the seaweed farming. However, she refused to give up the business that her fore-fathers had started.

Today, her business has grown so much that she now employs half her village. Her customers are in China, Japan, the USA and other parts of the world that she never imagined selling to, back then. The decision to put her business online not only transformed the seaweed business but also her life as a whole.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Dato' Sri Ahmad Shabery also said, ICT and broadband have brought both world close and bridged many gaps between the urban and rural and also the 'haves' and 'have nots'. Thanks to initiatives like the 1Malaysia Internet Centres (PI1M) and Kampung Tanpa Wayar (KTW), he added, entrepreneurs in rural areas now have the opportunity to improve their livelihoods when they put their businesses online.

Impressed with MCMC's broadband stories in the "Connected at the Roots" series, Dato' Sri Ahmad Shabery announced that, ITU has invited MCMC to partner them to search for and documenting inspirational stories such as Kabilah's from all over the Asia-Pacific region.

The Transformational Power of Broadband initiative "Connecting at the Roots", implemented jointly by the ITU and MCMC was being showcased alongside 88 projects announced by the ITU with multiple partners across the Asia Pacific region, including the MCMC. The Chairman of MCMC, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, made the announcement about this initiative on Monday.

[END]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Pengarah Kanan, Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Markus Lim Han King
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my